

OPS GEMPUR BIL 11/2021 JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

13 Disember 2021, MELAKA – Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah selesai menjalankan Ops Gempur Bil 11/2021 ke atas Premis Yang Ditetapkan (PYDT)(Buangan Terjadual), premis-premis yang bukan ditetapkan (PYBDT) dan projek-projek yang telah mendapat kelulusan EIA yang bermula pada 8 hingga 9 Disember 2021.

Operasi ini dianggotai seramai 20 anggota penguatkuasa yang dibahagikan kepada 6 pasukan. Sebanyak 16 premis telah diperiksa yang membawa kepada 16 Arahan di Lapangan, 1 Kompaun, dan 2 Notis Arahan telah diambil tindakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka.

Orang awam diminta untuk menyalurkan aduan berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jasnegerimelaka